

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

TARIKH : 20 MEI 2015

SOALAN :

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha-usaha untuk meningkatkan eksport minyak sawit ke Iran, memandangkan Iran mengehadkan minyak sawit ke 30% jumlah semua minyak sayur-sayuran iaitu 360,000 MT setiap tahun. Adakah Kementerian sedang berbincang dengan Iran untuk melonggarkan had tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan mengehendkan penggunaan minyak sawit sebanyak 30% dalam kalangan minyak sayuran di Iran hanyalah cadangan awal Kementerian Kesihatan Iran yang bertujuan untuk mengurangkan penggunaan minyak dalam pemakanan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telahpun memberi penjelasan mengenai kebaikan minyak sawit kepada Pengerusi Persatuan Nutrisi Iran yang merupakan penasihat kepada Kementerian Kesihatan Iran, di Kuala Lumpur pada 5 hingga 7 November 2014.

Memandangkan cadangan tersebut bukan merupakan dasar rasmi Kerajaan Iran, ia tidak memberi kesan kepada pengeksportan minyak sawit Malaysia ke Iran.

Kementerian akan terus memantau perkembangan isu ini dan mengambil tindakan bagi memastikan pengeksportan minyak sawit Malaysia ke Iran tidak terjejas olehnya.

Sekian, terima kasih.